

Najib fail rayuan keputusan esok

Pasukan pembela tunggu peluang berhujah kesilapan dilakukan hakim dalam perbicaraan

Oleh Essa Abu Yamin
essa@bh.com.my

Putrajaya: Peguam mewakili Datuk Seri Najib Razak, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah akan memfailkan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang menjatuhkan hukuman penjara 15 tahun dan denda RM11.38 bilion terhadap bekas Perdana Menteri itu berkait kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Beliau berkata, rayuan itu akan difailkan pihaknya esok.

Pasukan pembelaan, katanya menantikan peluang untuk berhujah mengenai apa yang disifatkannya sebagai kesilapan-ke-

silapan yang dilakukan dalam kes itu.

"Walaupun saya sangat sedih untuk klien saya dalam banyak aspek, saya juga berasa gembira. Lebih banyak kesilapan yang dilakukan oleh seorang hakim, lebih baik peluang kami," katanya kepada sidang media malam kelmarin.

Shafee berkata, antara perkara akan dihujahkan dalam rayuan ialah penerimaan keterangan dengar cakap (hearsay) sepanjang perbicaraan.

Dalam pada itu, peguam senior itu berkata, kes berkenaan menyaksikan kali pertama dalam sejarah beliau selama puluhan tahun menjadi peguam bela berdepan situasi kalah dalam setiap hujah yang dikemukakan.

"Tidak pernah sekali pun pihak kami menang dalam hujahan dikemukakan.

"Analoginya, seperti bermain bola sepak dengan jaringan pihak pendakwaan raih 100 (gol) dan kami kosong (tiada jaringan).

"Malah, sekecil-kecil hujah pun, kami kalah dan hakim memihak kepada pihak pendakwaan," katanya pada sidang media



Muhammad Shafee pada sidang media di Istana Kehakiman Putrajaya, kelmarin.

(Foto Hari Anggara/BH)

selepas prosiding kes di Istana Kehakiman, di sini, kelmarin.

Sudah jangka keputusan

Beliau berkata, pihaknya sudah menjangkakan keputusan kes berkenaan yang menyabitkan anak guamnya dengan semua

pertuduhan terbabit.

"Meskipun kami sangat kecewa dengan keputusan itu, ia tidak mengejutkan, malah sudah dijangka.

"Daripada segi hukuman yang dijatuhkan, saya merasakan jumlah denda dikenakan terhadap

Najib adalah tidak masuk akal," katanya.

Terdahulu, Najib dijatuhi hukuman penjara 15 tahun dan denda RM11.38 bilion terhadap 25 tuduhan menggunakan kedudukan bagi memperoleh suapan dan pengubahan wang haram RM2.3 bilion dana 1MDB.

Hukuman itu dijatuhkan terhadapnya selepas beliau didapati bersalah atas empat pertuduhan menggunakan kedudukannya dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan dana 1MDB berkenaan.

Sebelum ini, Najib, 72, didakwa atas empat pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk suapan mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 (1) akta sama.

Bagi 21 pertuduhan pengubahan wang haram pula, Najib didakwa mengikut Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLA-TFA).